

Lembaran Fakta Anugerah Syarikat Terbaik

Secara ringkasnya, penilaian prestasi kewangan bagi **Anugerah Syarikat Terbaik 2025** dilaksanakan berdasarkan beberapa kriteria utama yang mengambil kira kedudukan kewangan, kecekapan operasi, sumbangan dividen serta amalan tadbir urus syarikat.

Pertama ialah **Skor Wajaran Kuantitatif Keseluruhan** menilai prestasi kewangan syarikat secara menyeluruh berdasarkan indikator kewangan yang telah ditetapkan. Syarikat yang memperoleh skor lebih tinggi menunjukkan prestasi kewangan dan operasi yang lebih kukuh.

Kedua ialah **Altman's Z-Score**, iaitu ukuran yang digunakan untuk menilai tahap kesihatan kewangan dan risiko sesebuah syarikat. Skor yang tinggi secara umumnya menunjukkan kedudukan kewangan yang lebih stabil, manakala skor yang rendah menunjukkan risiko kewangan yang lebih tinggi.

Selain itu, penilaian turut mengambil kira **jumlah dividen yang diisytiharkan**. Kriteria ini penting kerana ia menunjukkan sumbangan kewangan syarikat kepada pemegang saham. Syarikat yang mencatatkan dividen tertinggi telah diberi pengiktirafan di bawah kategori **Anugerah Penyumbang Dividen Tertinggi**.

Kriteria seterusnya ialah **Nisbah Kecekapan Perbelanjaan**, yang menilai sejauh mana syarikat menguruskan perbelanjaan secara cekap dan berhemah. Ini mencerminkan disiplin kewangan serta keupayaan syarikat mengawal kos operasi.

Akhir sekali, penilaian turut mengambil kira **Kedudukan Polisi ESG**, iaitu aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus. Kriteria ini menunjukkan tahap kesediaan syarikat dalam mengamalkan tadbir urus yang baik, kelestarian dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab.

Berdasarkan keseluruhan kriteria ini, syarikat-syarikat telah dinilai dan dikategorikan bagi beberapa anugerah utama, termasuk **Anugerah Syarikat Terbaik Mengikut Sektor, Anugerah Penyumbang Dividen Tertinggi, Anugerah Syarikat Harapan Terbaik** dan **Anugerah Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah**.

Kesimpulannya, penilaian ini tidak hanya melihat kepada keuntungan atau jumlah dividen semata-mata, tetapi turut mengambil kira kekuatan kewangan, kestabilan syarikat, kecekapan perbelanjaan serta komitmen terhadap amalan ESG. Pendekatan ini memastikan pemilihan pemenang dibuat secara lebih menyeluruh, seimbang dan telus.

1. ANUGERAH SYARIKAT HARAPAN TERBAIK

Anugerah ini diberikan sebagai pengiktirafan kepada syarikat yang menunjukkan peningkatan prestasi yang memberangsangkan, daya tahan organisasi serta potensi pertumbuhan yang kukuh pada masa hadapan.

- Penerima anugerah ini ialah sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan keselamatan, kawalan dan sokongan operasi keselamatan.
- **Borneo Security Centre Sdn. Bhd.** memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan premis, aset, kakitangan dan operasi pelanggan sentiasa terjamin melalui perkhidmatan kawalan keselamatan yang berdisiplin, cekap dan profesional.
- Sepanjang tahun 2025, syarikat ini telah menunjukkan **kemajuan yang signifikan hasil daripada pengurusan yang lebih strategik, peningkatan kecekapan operasi serta kejayaan memperluaskan portfolio kontrak.** Usaha berterusan ini telah memperkukuhkan kedudukan syarikat serta meningkatkan prestasi keseluruhannya.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen tinggi warga kerja, keupayaan kepimpinan serta keyakinan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan. Ia juga menjadi asas kukuh kepada Borneo Security Centre Sdn. Bhd. untuk terus berkembang dan menyumbang secara lebih signifikan kepada kumpulan pada masa hadapan.

2. Anugerah Syarikat Terbaik – Sektor Perladangan

- Untuk kategori pertama, iaitu Anugerah Syarikat Terbaik bagi **Sektor AgroPerladangan**, anugerah ini diberikan kepada syarikat yang telah menunjukkan prestasi kewangan yang kukuh, kecekapan operasi serta sumbangan yang signifikan kepada kumpulan.
- Penerima anugerah ini ialah sebuah syarikat perladangan yang tersenarai di Bursa Malaysia.
- Ditubuhkan pada tahun 1993, dengan aktiviti utama syarikat merangkumi penanaman kelapa sawit, pemprosesan **Tandan Buah Segar (FFB) kepada minyak sawit mentah (CPO) dan isirung kelapa sawit (PK), serta Pembangunan ladang.** Syarikat ini mengendalikan **enam estate dan sebuah kilang kelapa sawit di Kawasan Gunung Rara/Kalabakan Sabah dengan kira-kira 12,246 hektar kawasan tanaman kelapa sawit,** menjadikannya antara penyumbang penting dalam sektor perladangan Kumpulan Yayasan Sabah.

[PEMENANG: INNOPRISE PLANTATIONS BERHAD.]

3. Anugerah Syarikat Terbaik- Sektor Lain-Lain

- Anugerah Syarikat Terbaik bagi **Sektor Pelancongan.** Anugerah ini mengiktiraf syarikat dalam sektor pelancongan dan hospitaliti yang telah menunjukkan

prestasi terbaik, ketahanan operasi serta keupayaan untuk terus memberi nilai kepada kumpulan.

- Penerima anugerah ini ialah syarikat yang mengendalikan resort bertaraf antarabangsa, **Shangri-La Tanjung Aru, Kota Kinabalu**.
- Resort ini terletak berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, pusat bandar dan pulau-pulau tropika, serta dilengkapi dengan kemudahan seperti marina persendirian, spa, kawasan rekreasi air, restoran dan bar. Kedudukannya sebagai destinasi pelancongan premium menjadikannya antara aset penting dalam sektor pelancongan kumpulan.

[PEMENANG: TANJUNG ARU HOTEL SDN.BHD.]

4. Anugerah Syarikat Terbaik – Sektor Lain-Lain

- Bagi kategori seterusnya, iaitu Anugerah Syarikat Terbaik – **Sektor Pelaburan Lain**, anugerah ini diberikan kepada syarikat yang telah menunjukkan kedudukan kewangan yang baik, kecekapan perbelanjaan serta prestasi keseluruhan yang membanggakan dalam sektor masing-masing.
- Penerima anugerah ini ialah sebuah syarikat penjana tenaga yang memiliki dan mengendalikan loji jana kuasa gas kitar padu di Kimanis, Sabah.
- Loji jana kuasa ini menggunakan gas asli dari luar pesisir Sabah dan memainkan peranan penting dalam memperkukuh grid elektrik negeri, selain menyokong keperluan tenaga bagi pembangunan ekonomi Sabah.

[PEMENANG: KIMANIS POWER SDN. BHD.]

5. Anugerah Penyumbang Dividen Tertinggi

Anugerah ini diberikan sebagai penghargaan kepada syarikat-syarikat yang telah memberikan sumbangan dividen tertinggi kepada pemegang saham, sekali gus mencerminkan prestasi kewangan dan pulangan pelaburan yang kukuh.

5.1 EMAS

Bagi Anugerah Penyumbang Dividen Tertinggi – Emas, penerimanya ialah sebuah syarikat agro-perladangan yang telah diperbadankan sejak tahun 1973 dan mula beroperasi pada tahun berikutnya.

- Syarikat ini merupakan antara peneraju dalam pembangunan ladang komersial berskala besar di Malaysia, dengan perniagaan teras dalam sektor kayu, perladangan kelapa sawit, pengilangan dan pengeluaran serpihan kayu. **Sabah Softwoods Berhad kini dimiliki 70% oleh Innoprise Corporation Sdn. Bhd.**

[PEMENANG: SABAH SOFTWOODS BERHAD.]

5.2 PERAK

Penerimanya ialah sebuah syarikat yang berpangkalan di Tawau, Sabah dan merupakan anak syarikat milik penuh Innoprise Corporation Sdn. Bhd. Syarikat ini menjalankan operasi utamanya di kawasan Kalabakan dan Gunung Rara, dengan tumpuan kepada pembangunan kawasan secara mampan serta mesra alam.

[PEMENANG: BENTA WAWASAN SDN. BHD.]

5.3 GANGSA

Bagi Anugerah Penyumbang Dividen Tertinggi – Gangsa, penerimanya ialah syarikat perladangan yang juga telah diumumkan sebagai penerima Anugerah Syarikat Terbaik – Sektor Perladangan. Pencapaian ini membuktikan keupayaan syarikat bukan sahaja dalam mencatatkan prestasi operasi yang kukuh, malah turut memberikan pulangan dividen kepada kumpulan.

[PEMENANG: INNOPRISE PLANTATIONS BERHAD.]

6. ANUGERAH PENERUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN SABAH

- Dan kini, bagi anugerah khas iaitu Anugerah Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah, anugerah ini merupakan pengiktirafan khusus kepada syarikat yang menunjukkan pencapaian menyeluruh, prestasi yang konsisten serta sumbangan signifikan kepada kumpulan
- Penerima anugerah khas ini sekali lagi ialah Innoprise Plantations Berhad, sebuah syarikat yang terus membuktikan kecemerlangan dalam sektor perladangan melalui pengurusan aset perladangan, pemprosesan hasil sawit dan prestasi kewangan yang kukuh.

[PEMENANG: INNOPRISE PLANTATIONS BERHAD.]